

17/01/2000

Wanita perlu nilai keputusan secara positif

SURAT terbuka yang dikemukakan oleh Institut Pengurusan Wanita (WIM) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad supaya mempertimbangkan semula keputusannya mengurangkan jumlah menteri wanita dalam Kabinet mendapat reaksi pelbagai pihak.

Bagaimanapun, dalam menyatakan sokongan kepada surat bertarikh 15 Disember lalu yang ditandatangani Timbalan Pengerusinya, Datuk Dr Nellie Tan, ada pihak yang menyarankan beberapa perkara.

Ada yang mencadangkan supaya wanita khususnya, memandang dan menilai secara positif keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan.

Di samping menjadikannya cabaran akan datang dan mengkaji kelemahan serta kewibawaan yang masih ada di kalangan ahli politik wanita di negara ini.

Antara yang melahirkan sokongan kepada surat terbuka itu, Pengarah Eksekutif Sisters In Islam (Sis) Zainah Anwar.

Beliau berkata, memang agak mengecewakan apabila hanya dua menteri wanita dilantik dalam barisan Kabinet kali ini.

Menurut Zainah, alasan tidak layak untuk menambah wanita dilantik sebagai Menteri Kabinet amat sukar diterima serta perlu dipertimbangkan semula

"Jumlah itu sepatutnya meningkat berdasarkan pembabitan wanita dalam pelbagai bidang pada masa kini.

"Ia adalah masa yang sesuai untuk memberi pengiktirafan kepada wanita dengan melantik mereka sebagai pembuat dasar jika dinilai kecemerlangan yang sudah ditunjuk dan dibuktikan oleh mereka," ujarnya.

Menurut Zainah, walaupun kerajaan mengakui hak wanita di negara ini, keputusan yang dibuat tidak mencerminkan apa yang dikatakan.

"Malaysia adalah antara negara yang menyetujui Deklarasi Beijing dan Pelan Tindakan yang dicapai pada Persidangan Beijing 1995.

"Antara lain deklarasi itu memutuskan untuk mempertingkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

"Jadi, soalnya sekarang, bagaimana kerajaan ingin merealisasikan dan memenuhi janji itu," katanya.

Ketua Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Rashila Ramli pula berkata, surat terbuka itu sekurang-kurangnya mewakili pandangan segelintir wanita.

Ia juga wajar untuk menyuarakan pendapat dan meluahkan rasa kecewa mereka.

Bagaimanapun, mengenai pemilihan dua menteri wanita dalam Kabinet kali ini beliau berkata, alasan tidak ada calon wanita berkelayakan boleh jadi difokuskan pada perkiraan yang lebih luas seperti alasan dalam parti, bahagian, kerusi atau lain-lain lagi.

"Tidak layak yang dimaksudkan mungkin tidak diukur pada tahap profesionalisme dan kebolehan calon wanita itu sahaja tetapi juga dinilai dari sudut lain yang lebih luas dan perlu diseimbangkan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan wanita supaya tidak terlalu kecewa dengan jumlah bilangan itu sebaliknya, mencari cara lain untuk mempengaruhi pembuat keputusan terutama dalam memperjuangkan isu-isu wanita.

"Kurang menteri wanita tidak bermakna wanita tidak layak memberi sumbangan. Bagi calon wanita muka baru pula, mereka perlu membuktikan kemampuan terlebih dahulu dan menimba pengalaman sebanyak mungkin supaya

pada masa lima tahun akan datang, wanita mempunyai `stesen' yang lebih kukuh," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Penasihat Kebangsaan Bagi Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (Naciwid), Profesor Datuk Dr Nik Safiah Karim, berpendapat walaupun pemilihan hanya dua wanita sebagai menteri menyedihkan banyak pihak tetapi faktor yang mendorong keputusan seumpama itu perlu dikaji.

Dr Nik Safiah berkata, alasan ketiadaan ahli Parlimen wanita yang layak untuk dilantik ke jawatan itu ada logiknya kerana ahli Parlimen wanita gagal menonjolkan diri mereka sebagai "layak".

"Pucuk pimpinan tidak boleh dipersalahkan jika bilangan menteri wanita tidak ditambah dalam Kabinet sekiranya mereka gagal membuktikan kemampuan mereka sebagai anggota Kabinet," katanya pada forum Wanita, Politik Dan Media anjuran Institut Pembangunan Komunikasi Asia (Aidcom) dengan kerjasama Yayasan Konkrad Adenauer, baru-baru ini.

(END)